

KERTAS 1: Tatabahasa

A. Pilih ayat-ayat yang betul.

- 1 I Tanah yang terbiar itu dibeli oleh saya dengan harga yang murah sekali.
II Kawasan perindustrian itu dijangka akan membuka peluang pekerjaan kepada banyak penduduk-penduduk tempatan.
III Puan Dahlia berjaya mengikut jejak langkah ibunya sebagai seorang ahli perniagaan.
IV Kami sekeluarga akan melancong ke Kelantan pada bulan hadapan.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja
- 2 I Encik Razali bercadang untuk menjadikan rumah peninggalan arwah bapanya sebagai inap desa.
II Asap kilang dari kawasan perindustrian itu mendatangkan masalah kepada penduduk setempat.
III Mereka saling bekerjasama untuk menjayakan percutian ke Pulau Mabul, Sabah.
IV Sebuah komputer riba pihak universiti hadiahkan kepada pelajar cemerlang itu.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II, dan III sahaja
D II, III, dan IV sahaja

B. Pilih ayat yang mempunyai maksud yang sama atau maksud yang paling hampir dengan ayat yang dicetak tebal.

- 1 "Rancanglah kewangan anda dengan betulnya supaya tidak terjerat dengan masalah hutang," nasihat penceramah kepada peserta seminar.
A Penceramah menasihati peserta seminar agar tidak terjerat dengan masalah hutang kerana pengurusan kewangan yang tidak betul.
B Peserta seminar menasihati penceramah supaya merancang kewangan dengan betulnya.
C Penceramah yang terjerat dengan masalah hutang menasihati peserta seminar supaya merancang kewangan dengan betulnya.
D Penceramah menasihati peserta seminar agar merancang kewangan dengan betulnya supaya tidak terjerat dengan masalah hutang.

C. Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 1 Hamidah senantiasa berhati-hati ketika berbelanja. Dia tidak mahu dirinya menghadapi kesusahan pada masa hadapan. Keadaan ini diumpamakan seperti peribahasa
A asal ditugal, adalah benih
B di mana ada kemahuan, di situ ada jalan
C ingat sebelum kena, jimat sebelum habis
D laut mana yang tak berombak, bumi mana yang tak ditimpa hujan



- Ayat pasif dengan kata ganti diri pertama tidak boleh menerima kata kerja pasif berimbuhan "di-". Oleh itu, kata ganti nama diri pertama haruslah berada di hadapan kata kerja tanpa imbuhan "di".
- Ayat pasif dengan kata ganti diri ketiga perlu menerima kata kerja pasif berimbuhan "di-" dan diikuti dengan kata sendi nama "oleh".
- Kata ganda tidak boleh digunakan dengan kata bilangan "banyak" dalam ayat kerana sudah membawa maksud jamak.